2.1 SISTEM PEMERINTAHAN

1. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul berkaitan dengan sistem pemerintahan beraja kerajaan Alam Melayu

pembesar	puncak	membangunkan	kestabilan
beraja	ekonomi	wilayah	pusat

Sistem pemerintahan yang diamalkan oleh kerajaan Alam Melayu yang masyhur ialah sistem (a) _____. Sistem ini terbahagi kepada dua, iaitu pemerintahan (b) _____ dan (c) _____.

Dalam kerajaan Alam Melayu, raja berada di (d) _____ pemerintahan. Baginda dibantu oleh para (e) _____. Pemerintahan yang cekap sangat penting bagi mewujudkan (f) _____ di alam Melayu. Selain itu, pemerintahan yang cekap juga penting bagi (g) _____ kerajaan dalam aspek politik mahupun (h) _____.

2. Kerajaan alam Melayu mengamalkan sistem pemerintahan beraja.
Jelaskan ciri-ciri pengamalan pemerintahan beraja kerajaan Alam Melayu yang berikut.

Gelaran raja kerajaan Alam Melayu

- **Funan** →
  - a) Raja Funan menggunakan gelaran Kurung Bnam yang bermaksud _____.
  - b) Penggunaan gelaran Rajadhiraja melambangkan raja Funan sebagai _____.
  - c) Cakravatin pula bermaksud _____.
- **Champa** →
  - d) Raja Champa menggunakan gelaran _____.
  - e) Raja Champa dikaitkan dengan _____.
- **Srivijaya** →
  - f) Dipercayai raja Srivijaya mempunyai _____.
  - g) Mereka dianggap sebagai Bodhisattva yang bermaksud _____.
  - h) Raja Srivijaya digelar sebagai _____ dan _____.
- **Angkor** →
  - i) Raja Angkor menggunakan gelaran Dewaraja yang mengaitkan raja sebagai _____.
- **Majapahit** →
  - j) Raja Majapahit menggunakan gelaran Maharaja, Sri Maharaja dan _____.

LIVEWORKSHEETS